

Pertemuan PM-Pope:

UM 16 JUN 2002

Mazlan
Nordin

MENULIS



APAKAH Islam akan membenamkan kita? Demikian tajuk sebuah rencana khas dalam akhbar *Sunday Telegraph* di London beberapa tahun lalu. Ayat pertama berbunyi demikian: "Ketika suara Islam kian nyaring di pesisir pantai selatan Eropah, malah di pedalaman benua Eropah ini sendiri, maka mungkin ada yang mengenang kembali tulisan sejarawan Edward Gibbon berikutan kemenangan bala tentera Pranks pimpinan Charles Martel ke atas bala tentera Islam di Tours pada tahun 732."

Kalau tidak kerana kemenangan itu, sejarawan tersebut menelaah: "Mungkin tafsiran al-Quran yang diajar sekarang di maktab-maktab (universiti) Oxford dan mungkin mimbar-mimbarinya membuktikan kepada rakyat yang telah berkhatah betapa kemurniaan dan kebenaran agama yang telah dibawa oleh Nabi Muhammad."

Rencana itu menjawab secara tidak langsung kenapa Turki masih belum diterima masuk

Kesatuan Eropah (EU) walaupun telah berkali-kali memohon.

Lalu disebut lagi bahawa menjelang tahun 2030 penduduk Turki akan meningkat daripada lebih 60 juta sekarang kepada 100 juta. Dengan itu Turki akan menjadi kuasa besar di rantau Laut Mediterranean. Kerajaannya memang sekular, tetapi rakyatnya tetap Islam.

Seramai lebih 50 juta umat Islam di bahagian tengah benua Asia pula tidak lagi menumpukan setiakawan ke arah Moscow. Orang-orang Arab pula tidak lagi mendukung Ba'athisme (seperti di Iraq dan Syria), Nasserisme di Mesir dan Marxisme di Algeria.

Di samping itu di Britain bilangan orang Islam yang jelas menunaikan rukun-rukun Islam telah mengatasi jumlah penganut mazhab Katolik. Juga di Perancis, bilangan masyarakat Islam meningkat, iaitu ekoran penghijrahan orang-orang dari Afrika Utara. Bilangan mereka telah meningkat lebih daripada 2 juta beberapa tahun lalu.

Laporan atas tema yang sama disiarkan oleh akhbar *Christian Science Monitor* di Amerika. Ia menyebut mengenai jumlah orang Islam telah meningkat lebih empat juta manakala bilangan masjid pula bertambah sehingga 1,200 buah lagi.

Majoriti masyarakat Islam itu ialah daripada kelas menengah - doktor, tuan punya kedai, yang bekerja sendiri iaitu *working taxpayers* menurut akhbar tersebut.

Bandar-bandar besar yang ramai penduduk

Titik perubahan toleransi Katolik

Islam ialah New York, Chicago, Detroit dan Los Angeles.

Timbul pula pertanyaan: Betapa keadaan mereka berikutan tragedi 11 September? Kerana menurut laporan-laporan akhbar orang-orang Islam di sana sini menjadi sasaran pelbagai tindak-tanduk.

Dalam konteks pelbagai perkembangan tersebut dan masalah Palestin, pertemuan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad dengan Pope John Paul II pada 7 Jun lalu mempunyai erti yang besar.

Sebenarnya sejak pemilihannya pada tahun 1978, Pope John Paul II telah membawa banyak perubahan.

Sejarah manusia

Seperti disebut oleh media dunia Barat, Pope John Paul II telah berusaha "membersihkan jiwa" mazhab Roman Katolik dengan meminta maaf secara terbuka kerana keganasan, penindasan dan kesalahan yang berlaku sejak 2,000 tahun lampau termasuk perang Crusades di Baitulmaqdis.

Seperti dicatat dalam sejarah, Pope Urban II telah mengirim bala tentera upahan pada tahun 1095 untuk menawan Baitulmaqdis. Mereka membunuh sebilangan ramai orang Islam, Yahudi dan juga Kristian sendiri setelah menawan bandar itu pada tahun 1099.

Peperangan berlarutan 200 tahun dan sebelum akhirnya bala tentera Islam menawannya semula.

Suatu dokumen penting dalam babak sejarah mazhab Katolik ialah deklarasi yang diumumkan oleh pihak Vatican bersabit hubungannya dengan agama-agama lain.

Perubaban sikap yang tercatat dalam deklarasi itu dianggap sesuatu yang luar biasa iaitu dengan mengenang kembali kesan-kesan perang Crusades serta perang ideologi yang berlaku di antara Kristian dan Islam.

Deklarasi tersebut ialah antara dokumen-dokumen rasmi Vatican setelah berlangsung beberapa sidang khas pucuk pimpinan Vatican. Maka disebut, antara lainnya:

"Mengenai umat Islam, gereja (Katolik) memandang mereka dengan hormat. Mereka menumpukan sepenuh kasih kepada Tuhan - yang hidup dan abadi, pengasih dan Maba Berkuasa, yang menjadikan syurga dan dunia serta pembicara ke atas manusia.

Mereka (umat Islam) berusaha menyerah segala-galanya kepada perintah Tuhan sebagaimana dilakukan oleh Nabi Ibrahim yang dengannya umat Islam bersekutu.

Sungguhpun mereka tidak mengakui Jesus (Isa) sebagai Tuhan, mereka tetap menghormatinya sebagai nabi. Mereka juga menghormati Mary (Siti Mariam). Selain daripada itu mereka menunggu hari akhirat manakala Tuhan akan mengurniakan kepada setiap manusia apa yang

selayaknya setelah dibangkitkan semula. Kerana itu mereka menghargai kehidupan yang bermoral dan menyembah Tuhan melalui solat, sedekah dan puasa.

Walaupun sejak berkurun-kurun lamanya banyak berlaku pertelingkahan dan dakwah di antara penganut Kristian dan Islam, pihak kami merayu kepada semua supaya melupakan masa lampau dan berusaha dengan ikhlas untuk memupuk persefahaman antara satu sama lain. Bagi pihak manusia seluruhnya mereka hendaklah berusaha memupuk keadilan sosial, nilai-nilai moral, keamanan dan kebebasan."

Demikian sebahagian daripada 16 dokumen rasmi yang diberi nama *The Documents of Vatican II* berikutan sidang-sidang khas mazhab Katolik pada tahun 1963-1965 (Vatican I diadakan pada tahun 1869-1870). Teks asalnya dalam bahasa Latin yang kemudian diterjemah ke bahasa Inggeris.

Deklarasi tersebut dianggap satu naskhah penting dalam sejarah manusia dari segi moral, politik dan intelektual.

Pertanyaan timbul apakah Pope John Paul telah dipengaruhi, antara lainnya, oleh pengalaman sendiri di negeri asalnya, Poland. Beliau tinggal tidak begitu jauh dari Auschwitz, kem tahanan pemerintah Nazi Jerman. Sebahagian lagi negeri itu ditakluk oleh komunis Rusia dan tempatan selama lebih 40 tahun.

Pope John Paul sangat arif dan mengetahui nasib mereka yang ditindas.